

08 MAY 2000

PROTON-TEKNOLOGI/I

PROTON, KINI ADA KEMAMPUAN TEKNOLOGI UNTUK MAJUKAN KERETA SENDIRI

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Dalam hanya 15 tahun sejak ia mula beroperasi, daripada hanya menjadi pengguna berbagai kepakaran kejuruteraan syarikat lain dalam pengeluaran kereta besar-besaran, Proton kini telah berubah dan hampir sepenuhnya menjadi pereka dan pembuat kereta sendiri.

Dalam tahun-tahun yang berlalu, pemindahan teknologi telah diperolehi melalui perkongsian dengan pembuat kereta yang telah lama bertapak seperti Mitsubishi dan Citroen, serta pembelian syarikat pereka dan pengeluar kereta, Lotus.

Hasil sampingan daripada pemerolehan teknologi ini telah melimpah dan memberi manfaat kepada 182 vendor yang mengeluarkan 4,417 alat ganti bagi pembuat kereta nasional pertama ini.

Menyahun cabaran oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan April 1996 bahawa Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) harus mereka bentuk keretanya sendiri, syarikat tersebut telah melabur hampir RM400 juta bagi salah sebuah kemudahan Penyelidikan dan Pembangunan yang termoden dan terancang dari segi teknologi di Asia.

Pelaburan ini merangkumi Pusat Prototaip Pantas termoden di rantau ini, satu-satunya Kedai Prototaip dalam Asean, satu-satunya Makmal Ujian Kamar Cuaca dalam Asean dan satu-satunya Ujian Sled Keselamatan Penumpang di Asia di luar Jepun.

Sejumlah RM70 juta lagi telah dibelanjakan bagi membiayai perisian seperti Rekabentuk Bantuan Komputer, Kejuruteraan Bantuan Komputer bagi Analisis Rekabentuk ke atas Kenderaan dan Penggayaan Bantuan Komputer.

Berbekalkan RM970 juta, Proton memulakan kerja mereka bentuk kereta yang sama sekali baru, kereta kelima selepas Saga, Wira, Tiara dan Perdana. Jenis-jenis keretanya yang lain termasuklah Iswara, versi Saga yang dipertingkatkan serta Satria dan Putra, varian kereta Wira.

"Bagi kami, ini merupakan selangkah ke dalam sejarah baru kerana buat pertama kalinya kami mereka bentuk kereta kami sendiri," kata ketua eksekutif Proton Tengku Datuk Paduka Mahaleel Tengku Ariff.

Bercakap pada satu taklimat media baru-baru ini, mengenai pencapaian Proton dalam industri kereta, termasuk kemajuan keupayaan kejuruteranya, beliau berkata pendekatan baru iaitu mereka bentuk keretanya sendiri akan membolehkan Proton menjimatkan pengaliran keluar pertukaran asing dan pembayaran royalti.

Anggaran sejumlah RM400 juta akan dapat dijimatkan daripada pengaliran keluar tukaran matawang asing dengan mengurangkan kepada kadar minimum kandungan import bagi kereta barunya, yang diberi nama Waja, dan RM500 juta lagi daripada pembayaran royalti sepanjang hayat produk berkenaan.

Sejumlah wang sehingga RM450 juta akan diperolehi daripada pengaliran masuk tukaran asing melalui eksport kereta yang berdaya saing di peringkat global, yang dimajukan bersama dengan anak syarikatnya di United Kingdom, Lotus.

Tengku Mahaleel berkata falsafah Proton dalam mereka bentuk Waja ialah mengeluarkan kereta "kos sifar" bagi memastikan bahawa produk akhirnya nanti mampu dimiliki dengan harga yang berdaya saing di pasaran dunia.

Beliau juga berkata berbanding kereta-kereta Proton yang terdahulu, yang direka untuk hari ini, Waja "kelihatan lima hingga 10 tahun mendahului masanya."

Seorang jurutera R&D Proton yang bercakap pada prebiu media berkata pelaburan bagi model baru ini memberikan kebebasan kepada Proton untuk

mewujudkan lebih banyak varian dan model baru berbanding model-model sebelumnya, terutamanya berasaskan platform Mitsubishi.

Katanya semasa Proton memajukan model pertamanya, Saga, yang diperkenalkan pada tahun 1985, ia mengambil masa sejumlah 54 bulan, manakala bagi Wira, yang diperkenalkan pada tahun 1993, masa memajukannya ialah 48 bulan.

Masa yang digunakan bagi Waja telah dikurangkan kepada 36 bulan, katanya, sambil menambah bahawa di masa akan datang, dengan program perkongsian digital rekabentuk dan kejuruteraan bersama vendor Proton, tidak mustahil masa yang digunakan bagi memajukan model Proton dapat dikurangkan sehingga 30 bulan.

Bagi Waja, 20 vendor Malaysia terbabit buat kali pertamanya dalam mereka bentuk komponen bersama jurutera-jurutera Proton.

Menurut Proton, melalui konsep pemasangan modular Waja, ia merupakan kereta berkualiti bertaraf dunia. Model baru ini mempunyai hampir 20 modul, termasuk tangki minyak, bampar, suspensi, stering dan pintu.

Tengku Mahaleel menegaskan bahawa modul pintu yang disertakan tingkap kuasa, merupakan teknologi baru yang dimajukan oleh Proton.

Ujian ke atas sistem tingkap kuasa ini telah dua kali mengatasi piawaian mutu sistem tingkap Proton sekarang, tambahannya.

Meninjau masa depan, Tengku Mahaleel berkata dalam 15 tahun dari sekarang, Proton akan berubah menjadi sebuah syarikat kejuruteraan dan reka bentuk yang kukuh, terutamanya dalam industri pengangkutan.

Proton akan menggunakan tindakan Malaysia menanggungkan pengurangan tarif di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean bagi memperkukuhkan diri melalui "kejuruteraan, kejuruteraan dan kejuruteraan," tegasnya. --BERNAMA

AD KY OS